

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

Tabiat pemakanan penentu tahap kesihatan keluarga

Kuala Lumpur: Tabiat pemakanan keluarga menjadi faktor penting dalam menentukan tahap kesihatan setiap individu termasuk kemungkinan menghidap penyakit kronik seperti jantung dan darah tinggi.

Profesor Pemakanan Kesihatan Masyarakat, Jabatan Kesihatan Masyarakat, Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Zaleha Md Isa, berkata sekiranya masyarakat mengamalkan diet tidak sihat sejak dari kecil, mereka berisiko terdedah kepada penyakit berkenaan pada awal usia kanak-kanak dan remaja.

"Penyakit kronik ini tidak berlaku dalam tempoh semalaman. Sebab itu pemakanan sihat perlu dimulakan pada awal usia, maksudnya ibu bapa sendiri berperanan untuk mulakan diet yang seimbang."

"Jika dari kecil dah amalkan pengambilan garam yang tinggi, tidak hairanlah penyakit kronik boleh dihidap pada usia sangat muda. Hasil kajian saya, ada remaja baru di sekolah menengah, tetapi disahkan menghidap darah tinggi," katanya kepada *BH*, semalam.

Muka depan *BH* semalam melaporkan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pengambilan garam berlebihan meningkatkan tekanan darah, seterusnya mengundang risiko penyakit kardiovaskular, angin ahmar, kanser dan penyakit buah pinggang.

Dr Zaleha berkata, terdapat dua langkah pencegahan penting perlu diamalkan bagi mengelak mendapat penyakit kronik.

"Pertama, kurangkan makanan tinggi sodium, biasanya terdapat dalam makanan yang diproses dan semua jenis sos dan kicap yang sedia dimakan."

"Kedua, tingkatkan diet yang tinggi sayur-sayuran, buah-buahan dan bijirin dan pada masa sama perlu buat aktiviti senaman secara konsisten," katanya.

Beliau turut menggalakkan orang ramai terutama pesakit darah tinggi mengamalkan diet melalui Pendekatan Pemakanan untuk Hentikan Hipertensi (DASH)



Keratan akhbar BH semalam.

yang diamalkan di seluruh dunia untuk mengawal darah tinggi.

"Melalui diet DASH, ia akan beri kesan terbalik terhadap sodium. Jenis makanan dalam diet ini lebih fokus kepada sayuran, bijirin, makanan kurang lemak, pengambilan lebih banyak ikan, daging putih dan kekacang," katanya.

Sementara itu, Ketua Jabatan Dietetik dan Sajian, Hospital Universiti Teknologi MARA (UiTM), berkata pengeluar dan pengusaha makanan perlu turut sama bertanggungjawab membina kesedaran dengan menjual produk yang sihat.

"Boleh bangkitkan kesedaran dengan cara beri pilihan kepada pelanggan untuk mendapatkan makanan berkhasiat, sementara pengguna juga perlu peka kepada label makanan di pasaran."

"Baca dahulu label makanan kerana di pasaran sekarang sudah ada banyak produk misalnya biskut dan marjerin rendah garam."

"Begitu juga jika memesan makanan di restoran, biasakan minta peniaga kurangkan garam dalam masakan sebagaimana kita biasa minta kurangkan gula ketika memesan minuman," katanya.

Beliau berkata, terdapat pelbagai alternatif untuk mengelakkan penggunaan garam dalam masakan, antaranya dengan menambah pelbagai jenis rempah atau bahan yang mengandungi rasa garam semula jadi seperti bawang putih, serai dan lemon.

"Lidah kita sebenarnya boleh dilentur dalam soal rasa, jika terbiasa ambil makanan tidak berapa masin, takkan ada masalah."

"Nasihat saya kurangkan garam sedikit demi sedikit, lama kelamaan lidah akan terbiasa dan boleh menerimanya," katanya.

“Penyakit kronik ini tidak berlaku dalam tempoh semalaman. Sebab itu pemakanan sihat perlu dimulakan pada awal usia, maksudnya ibu bapa sendiri berperanan mulakan diet yang seimbang”

Dr Zaleha Md Isa
Profesor Pemakanan Kesihatan Masyarakat, Jabatan Kesihatan Masyarakat, Fakulti Perubatan UKM



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

Komuniti pastikan fasa peralihan lancar

Putrajaya: Peranan komuniti sangat penting demi memastikan fasa peralihan ke endemik April hadapan berjalan lancar.

Ia dapat memastikan masyarakat dapat hidup secara sihat dan selamat walaupun virus COVID-19 masih berada di sekeliling.

Menurut Kementerian Kesihatan (KKM) di Facebook rasminya semalam, fasa ini adalah *exit strategy* (strategi keluar) dan amat kritikal bagi membawa masyarakat ke fasa endemik yang membolehkan kita kembali kepada kehidupan yang hampir normal.

Menurut KKM, untuk berjaya hidup bersama virus COVID-19, setiap individu perlu mengamalkan lima langkah.

Katanya, langkah itu adalah setiap individu perlu terus mengamalkan langkah pencegahan iaitu mengambil vaksin dan dos penggalak dan sentiasa melakukan penilaian risiko sendiri.

"Individu juga perlu mengamalkan TRIIS iaitu *Test* (Uji), *Report* (Lapor), *Isolate* (Asing), dan *Seek* (Dapatkan). Ia antara langkah yang harus dilaksanakan bagi mengukuhkan tindakan kesihatan awam sendiri demi memastikan proses peralihan berjalan lancar," katanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sebelum ini mengumumkan negara akan memasuki Fasa Peralihan Endemik, bermula 1 April ini.

Katanya, ia adalah fasa perali-



Penolong Pegawai Perubatan, Mohd Jaya Jaafar menunjukkan vaksin kepada anaknya, Wafiy Iman Mohd Jaya pada Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Kanak-Kanak di Putrajaya, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

han untuk negara kembali kepada kehidupan normal selepas rakyat bergelut dengan pandemik COVID-19 sejak dua tahun lalu.

"Fasa ini adalah fasa semen-

tara sebelum negara ke fasa endemik (sepenuhnyanya) yang mana ia tertakluk kepada pengumuman Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO)," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : LOKAL

Nilai Rt negara turun kepada 0.96

Kuala Lumpur: Purata kadar kebolehsangkitan atau nilai R-naught (Rt) Covid-19 negara ini sedikit menurun kepada 0.96 kelmarin berbanding 0.97 dicatatkan pada Ahad lalu.

Berdasarkan data dikongsikan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah menerusi siaran media Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), semalam, sembilan negeri merekodkan kadar Rt melebihi 1.00.

Negeri mencatatkan kadar Rt melebihi 1.00 ialah Sarawak (1.21), Kuala Lumpur (1.12), Terengganu (1.12), Negeri Sembilan (1.07), Perak (1.04), Pulau Pinang (1.03), Putrajaya (1.02), Pahang (1.01) dan Kedah (1.01).

Tiga negeri mencatatkan Rt 1.00 iaitu Selangor, Melaka dan Johor.

Sementara itu, empat ne-

22,030

Bilangan kes positif baharu Covid-19 kelmarin.

geri mencatatkan bacaan Rt terendah di bawah 1.00 ialah Kelantan (0.97), Perlis (0.94), Labuan (0.82) dan Sabah (0.70).

Kelmarin, KKM melaporkan 22,030 kes positif baharu Covid-19, sekali gus menjadikan kes kumulatif di negara ini sebanyak 3,845,601 kes.

Maklumat terperinci berkenaan situasi semasa jangkitan dan penularan Covid-19 di Malaysia akan dimuatnaik ke laman web COVIDNOW di <https://covidnow.moh.gov.my> dan data akan dikemaskini pada 12 tengah malam setiap hari.

Sabah mansuh syarat isi borang e-HDF

Kota Kinabalu: Syarat pengisian borang pengisytiharan kesihatan (e-HDF) bagi memasuki Sabah dimansuhkan berkuatkuasa kelmarin.

Jurucakap perkembangan harian Covid-19 Sabah Datuk Masidi Manjun berkata, pihaknya bersejutu dengan saranan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah untuk memansuhkan pengisian e-HDF bagi individu yang tiba di pintu masuk negeri ini.

"Individu yang memasuki negeri ini hanya perlu menunjukkan status vaksin dan risiko melalui aplikasi MySejahtera," katanya dalam satu kenyataan.

Dalam pada itu, Masidi

yang juga Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan merangkap Menteri Kewangan II negeri berkata, jumlah kes harian Covid-19 kelmarin kekal mencatatkan tiga angka.

"Berdasarkan laporan JKNS, jumlah kes positif baharu Covid-19 adalah sebanyak 622 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 360,485 kes.

"Sebanyak lima kes kematian dilaporkan masing-masing satu kes di daerah Tawau, Kota Belud, Kota Kinabalu, Papar dan Sandakan.

"Bilangan pesakit Covid-19 sembuh ialah 1,647 menjadikan jumlah kumulatif 331,204 orang.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : COVID-19

Jangkitan baharu dicatat kelmarin turun kepada 22,030 kes, 33,872 sembuh dari koronavirus

Oleh Amir Abd Hamid
amir_hamid@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

Jangkitan baharu Covid-19 dicatat kelmarin menurun kepada 22,030 kes berbanding 22,535 kes pada Ahad lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ia menjadikan 3,845,601 kes kumulatif, setakat ini.

Belliau berkata, daripada jumlah itu, 21,636 kes membabitkan penularan tempatan iaitu 20,894 warganegara (96.6 peratus) dan 742 bukan warganegara (3.4 peratus).

"Manakala, kes import dari luar negara semalam (kelmarin) 394 kes iaitu 369 membabitkan warganegara (93.7 peratus) dan 25 bukan warganegara (6.3 peratus).

"Bagi kes sembuh, ia mencatat 33,872 kes menjadikan 3,502,760 kes sembuh kumulatif atau 91.1 peratus," katanya.



PESAKIT Covid-19 tahap 3 dan 4 menggunakan alat spirometer sambil dipantau petugas di Hospital Kuala Lumpur (HKL). - Gambar NSTP/EFFENDY RASHID

Belliau berkata, 388 kes (169 kes disahkan Covid-19; 219 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan) memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU), kelmarin.

Katanya, kes memerlukan bantuan pernafasan

pula 215 kes (97 kes disahkan Covid-19, 118 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan).

"Sebanyak 8,616 kes (39.1 peratus) membabitkan kategori 1 manakala kategori 2: 13,188 kes (59.86 peratus), kategori 3: 71 kes (0.32 peratus), kategori 4: 61 kes

(0.28 peratus) dan kategori 5: 94 kes (0.43 peratus).

"Daripada 226 kes bagi kategori 3, 4, dan 5 semalam (kelmarin), 52 kes (23.00 peratus) tidak divaksinasi atau belum lengkap divaksinasi, 111 kes (49.12 peratus) menerima dua dos vaksin, tetapi belum menerima

dos penggalak.

"Manakala 63 kes (27.88 peratus) menerima dos penggalak, 144 kes (63.72 peratus) berumur 60 dan ke atas dan 64 kes (28.32 peratus) mempunyai komorbid," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, dua kluster baharu dicatat

menjadikan jumlah kluster Covid-19 sejak awal penularan di negara ini sebanyak 6,883 kluster.

Menurutnya, daripada jumlah keseluruhan itu, 6,506 kluster tamat manakala jumlah kluster aktif dengan kebolehjangkitan adalah 377 kluster.

Kuala Lumpur: Penggunaan fasiliti kesihatan khusus bagi kes Covid-19 membabitkan katil kes kritikal atau Unit Rawatan Rapi (ICU) di enam negeri, kelmarin melebihi 50 peratus.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, enam negeri itu Kuala Lumpur (77 peratus), Kelantan (75 peratus), Johor (66 peratus), Selangor (62 peratus), Melaka (59 peratus) dan Pulau Pinang (51 peratus).

Menurutnya, penggunaan katil bukan ICU untuk pesakit Covid-19 juga merekodkan pengisian melebihi 50 peratus di 12 negeri.

"Ia membabitkan Putrajaya (107 peratus), Selangor (103 peratus), Kuala Lumpur (90 peratus), Perak (86 peratus), Melaka (84 peratus),

12 negeri guna katil bukan ICU lebih 50%



Tiada negeri menunjukkan peratusan melebihi 50 peratus bagi penggunaan katil di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC)"

Dr Noor Hisham Sarawak (81 peratus), Perlis (76 peratus), Terengganu (73 peratus), Kelantan (71 peratus), Johor (58 peratus), Pulau Pinang (56 peratus) dan Pahang (55 peratus).

"Tiada negeri menunjukkan peratusan melebihi 50 peratus bagi penggunaan katil di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC)," katanya.

Katanya, ada perbezaan antara data harian kemasukan kes Covid-19 ke hospital berbanding kes Covid-19 kategori 1 hingga 5 yang baharu didiagnosa setiap hari.

"Ia kerana keadaan klinikal pesakit yang dinamik dan mungkin merosot atau baik ketika dijangkiti Covid-19.

"Pada masa sama, ada kes Covid-19 berisiko tinggi dari kategori 1 dan 2 memerlukan kemasukan ke PKRC dan hospital," katanya.

92 lagi jadi mangsa koronavirus

Kuala Lumpur: Seramai 1,180,323 atau 33.2 peratus kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun sudah menerima dos pertama vaksin Covid-19 menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKIDS).

Berdasarkan laman web Covidnow, bagi populasi remaja berusia 12 hingga 17 pula, 2,838,292 individu atau 91.2 peratus melengkapkan vaksinasi Covid-19, setakat kelmarin.

Seramai 2,938,106 individu atau 94.4 peratus daripada kumpulan itu pula sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi populasi dewasa, seramai 15,317,615 individu



atau 65.1 peratus sudah menerima dos penggalak Covid-19.

Seramai 22,936,715 individu atau 97.5 peratus daripada populasi sama melengkapkan vaksinasi mereka, manakala 23,213,016 individu atau 98.7 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Vaksinasi harian kelmarin menyaksikan sebanyak 51,798 dos vaksin diberikan meliputi 14,496 dos perta-

ma, 2,055 dos kedua dan 35,247 dos penggalak, menjadikan jumlah kumulatif dos vaksin yang diberikan di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) sebanyak 68,214,783.

Sementara itu, menurut portal GitHub Kementerian Kesihatan, 92 kes kematian akibat Covid-19 direkodkan kelmarin dengan Kedah mencatatkan angka tertinggi sebanyak 28 kes, diikuti Johor (15), Selangor (14), Pulau Pinang (tujuh) dan Perak (enam).

Negeri Sembilan, Pahang dan Sabah masing-masing merekodkan lima kes, Sarawak dan Terengganu masing-masing tiga manakala Kelantan satu kes.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : COVID-19

133 kematian banduan direkod

Penularan wabak Covid-19 dalam penjara dikurangkan susulan kewujudan 10 jel satelit dan 37 PTP

Oleh Zuliaty Zulkiffi
am@hmetro.com.my

Alor Setar

Jabatan Penjara Malaysia berjaya mengurangkan penularan jangkitan Covid-19 susulan kewujudan 10 penjara satelit dan 37 Pusat Transit Penerimaan (PTP) yang ditubuhkan di negara ini sejak 2020.

Pengarah Bahagian Keselamatan dan Inteligen Ibu Pejabat Penjara Malaysia, Komisioner Penjara Ahmad Faudzi Awang berkata, setiap banduan yang masuk ke penjara disaring terlebih dahulu sama ada di penjara satelit atau pusat transit berkenaan selama 14 hari bagi memastikan mereka sihat sebelum dihantar menjalani hukuman.

Beliau berkata, setiap negeri mempunyai satu penjara satelit kecuali Sarawak, Perlis dan Wilayah Persekutuan.

"Selain itu, 37 pusat transit pula didirikan di bangu-



PENGAYUH bera menunggu pelanggan di pekarangan Pasar Besar Kedai Payang, Kuala Terengganu, semalam. Aktiviti pelancongan di Kuala Terengganu dijangka kembali pulih berikutan pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri mengenai pembukaan sempadan negara bermula 1 April ini yang sudah menerima vaksinasi lengkap selepas mengenakan sekatan keluar masuk antara negara sejak Mac 2020 bagi menangani pandemik Covid-19.

nan bekas lokasi Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang menempatkan banduan yang melakukan kesalahan ringan sekali gus dapat mengelakkan kesesakan di penjara.

"Di Kedah, kita ada sebuah penjara satelit iaitu di Kulim

dan dua PTP iaitu di Penjara Alor Setar untuk lelaki manakala di Penjara Sungai Petani bagi wanita," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menyaksikan Majlis Serah Terima Tugas Pengarah Jabatan Penjara Kedah di antara

Timbalan Komisioner Penjara Zawari Abdul Rashid kepada Timbalan Komisioner Penjara Shukri Saad di sini, semalam.

Zawari sebelum ini menggalas tugas sebagai Pengarah Penjara Kedah selama dua tahun 10 bulan dan akan

memegang jawatan sebagai Pengarah Bahagian Parol dan Perkhidmatan Komuniti Ibu Pejabat Penjara Malaysia.

Manakala Shukri pula sebelum ini memegang jawatan sebagai Pengarah Penjara Negeri Perak.

Ahmad Faudzi berkata, di penjara satelit, pada satu-satu masa ia dapat menempatkan antara 400 hingga 500 tahanan termasuk banduan baru yang menjalani ujian saringan Covid-19 sebelum dibawa masuk ke dalam penjara utama.

Beliau berkata, sepanjang tempoh pandemik Covid-19 sejak 2020, sebanyak 66,053 kes Covid-19 dilaporkan membabitkan banduan, kakitangan serta keluarga kakitangan penjara di seluruh negara ini.

Daripada jumlah itu, 64,522 kes dilaporkan sudah sembuh. Selain itu, 283,471 saringan dilakukan terhadap banduan, pegawai dan keluarga kakitangan turut dilakukan sepanjang tempoh

dua tahun ini yang mana banduan membabitkan seramai 55,726 orang, pegawai 5,340 dan keluarga kakitangan 4,987 orang," katanya.

Ahmad Faudzi berkata, penularan jangkitan Covid-19 juga berkurangan sehingga kini yang mana saringan dan tapisan dilakukan terlebih dahulu bagi mengelakkan penularan seperti yang berlaku ketika kluster penjara sebelum ini.

Beliau berkata, hanya 133 kematian banduan direkodkan sepanjang tempoh itu berkaitan Covid-19 manakala kakitangan pula membabitkan enam orang manakala keluarga kakitangan seramai tujuh orang.

"Kes aktif pula kini mencatatkan sebanyak 1,385 yang membabitkan banduan (804), kakitangan (338) manakala keluarga kakitangan (243).

"Kita mempunyai seramai 16,000 kakitangan di jabatan penjara di negara ini manakala keseluruhan banduan pula seramai 71,000," katanya.

Thailand kesan 4 kes subvarian Omicron

Bangkok Thailand mengesan sekurang-kurangnya empat kes berpotensi subvarian Covid-19 Omicron BA.2.2.

Ketua Pengarah Jabatan Sains Perubatan Dr Suakrit Sirilak berkata strain yang pertama kali dilaporkan di Hong Kong itu, ditemukan pada seorang warga asing dan tiga rakyat tempatan.

Bagaimanapun, ia masih menunggu pengesahan lanjut, tambahnya.

Justeru, beliau menggesa orang ramai supaya bertenang kerana ia masih belum dianggap sebagai membimbangkan.

"Setakat ini, tiada maklumat mencukupi untuk menilai tahap penularan strain itu dengan tepat.

"Terlalu awal untuk membuat kesimpulan bahawa BA.2.2 boleh merebak lebih cepat atau lebih serius berbanding varian lain," katanya.

Kelmarin, Naib Pengerusi Suruhanjaya Kesihatan Awam Dr Chalermchai Boonyaleeophon menggesa kerajaan untuk membuat saringan membabitkan ketibaan dari Britain dan



Terlalu awal untuk membuat kesimpulan bahawa BA.2.2 boleh merebak lebih cepat atau lebih serius berbanding varian lain"

Dr Suakrit

Hong Kong di tengah-tengah kebimbangan terhadap Omicron BA.2.2.

Pada masa ini, Omicron adalah strain yang dominan di Thailand, mewakili 99.6 peratus daripada semua kes Covid-19.

Omicron merebak empat kali lebih cepat berbanding varian Delta dan sudah bermutasi kepada tiga subvarian: BA.1, BA.2 dan BA.3.

Dalam tempoh 24 jam lalu, Thailand merekodkan 22,130 kes baharu Covid-19 dan 69 kematian, menjadikan jumlah jangkitan di negara itu kepada 3,206,950 dan 23,778 kematian.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : LOKAL

WARGA EMAS, PEROKOK TEGAR ANTARA GOLONGAN BERISIKO

15 peratus sakit buah pinggang

Oleh Hazira Ahmad
Zaidi
am@hmetro.com.my

Kota Bharu

Golongan berisiko yang mudah mendapat penyakit buah pinggang kronik ialah mereka berusia 60 tahun ke atas, perokok tegar serta individu yang mempunyai masalah batu karang, gout dan berat badan berlebihan.

Selain itu, mereka yang menghidap penyakit diabetes, tekanan darah tinggi dan tahap kolesterol yang tinggi turut berisiko mendapat penyakit buah pinggang.

Pakar Patologi Kimia, Hospital Universiti Sains

Malaysia, Dr Nur Karyatee Kassim berkata, dianggarkan 15 peratus daripada rakyat Malaysia menghidap penyakit buah pinggang kronik pelbagai peringkat.

"Pesakit buah pinggang kronik biasanya tidak menunjukkan simptom atau tanda-tanda menghidap penyakit buah pinggang kronik sehinggalah sekitar 50 hingga 70 peratus fungsi kesihatan tisu buah pinggang sudah merosot.

"Antara tanda-tanda penghidap penyakit buah pinggang kronik ialah pesakit akan merasa keletihan, mual, kekejangan otot pada waktu malam, bengkak kaki dan di sekeliling mata, kerap membuang air kecil pada

waktu malam dan kentung berbuih.

"Bagi mereka yang mengambil ubat-ubatan tanpa preskripsi daripada doktor bagi tujuan untuk menjadi kurus dan cantik perlu berhati-hati kerana ubat-ubatan sebegini sebenarnya berbahaya, sekali gus boleh memberi kesan buruk kepada buah pinggang," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, bagi pesakit buah pinggang, kebiasaannya ujian darah akan dilakukan untuk mengukur tahap fungsi buah pinggang seseorang seperti tahap kreatinin, dan urea dalam badan.

"Sekiranya buah pinggang

didapati rosak, semua bahan buangan akan berkumpul dalam badan kerana buah pinggang yang rosak tidak mampu menapis keluar bahan berkenaan.

"Selain itu, terdapat juga ujian elektrolit bagi mengukur tahap mineral dalam badan pesakit.

"Bagi pesakit buah pinggang kronik, mereka kebiasaannya akan mengalami ketidakseimbangan bahan mineral dalam badan seperti potasium, sodium serta kalsium dan ubat-ubatan diperlukan bagi menstabilkan semula elektrolit ini.

"Pada masa sama, pesakit juga perlu melakukan ujian darah hemoglobin atau sel darah merah ke-

rana pesakit buah pinggang kronik biasanya akan mengalami anemia iaitu sel darah merah rendah kerana fungsi buah pinggang tidak dapat menghasilkan hormon erythropoietin yang mana hormon ini penting untuk penghasilan sel darah merah," katanya.

Menurutnya, bagi pesakit buah pinggang kronik, fungsi buah pinggang akan berkurangan secara beransur-ansur tanpa dapat dipulihkan kembali dan juga dianggap pembunuh dalam diam.

"Selain itu, tahap kesihatan buah pinggang boleh diukur melalui kadar penapisan *Glomerular Filtration Rate* (EGFR).

"Tahap satu adalah tahap yang paling selamat atau sihat. Manakala bagi tahap lima pula adalah tahap yang paling kronik bagi kesihatan buah pinggang yang memerlukan rawatan dialisis dan pemindahan organ buah pinggang," katanya.

Dr Nur Karyatee turut menasihatkan masyarakat agar tidak takut untuk menjalani ujian darah bagi mengelak buah pinggang mereka mengalami kerosakan lebih teruk.

"Sekiranya ketidakfungsi-an buah pinggang ini berlaku, ia akan memberi kesan kepada perubahan pada keseimbangan bahan kimia dalam badan," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : LOKAL

Kertas putih reformasi sistem kesihatan negara

Kuala Lumpur: Satu kertas putih kesihatan ke arah reformasi sistem kesihatan negara dijangka dibentangkan di Dewan Rakyat pada November ini, kata Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin.

Kertas putih itu bertujuan mengukuhkan sistem kesihatan negara secara menyeluruh agar perkhidmatan kesihatan lebih saksama, berkualiti tinggi, mudah diakses dengan kos berpatutan dan mampan untuk jangka masa panjang, kata

Khairy pada Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat semalam.

"Kertas putih kesihatan adalah satu ikhtiar Kementerian Kesihatan untuk membuka hujah dan perbincangan bersama rakyat serta pihak berkepentingan mengenai sistem kesihatan negara yang memerlukan penambahbaikan yang mampan. Ia merupakan dokumen rasmi kerajaan yang akan menggariskan status semasa, jurang dan kekangan yang dihadapi.

"Dokumen ini juga akan mengemukakan cadangan penyelesaian secara berfasa dari segi reformasi penyampaian perkhidmatan, pembiayaan, tadbir urus serta organisasi merangkumi tempoh 15 tahun," katanya semasa menjawab soalan Wong Hon Wai (PH-Bukit Bendera).

Khairy berkata, penyediaan kertas putih kesihatan itu akan mengambil kira hasil serta syor pelbagai kajian sistem kesihatan yang telah dilaksanakan dan panda-

ngan pihak berkepentingan termasuk rakyat melalui sesi libat urus.

Menteri itu berkata, untuk memastikan cadangan kertas putih itu kalis masa depan dan mendapat persetujuan bipartisan, ia juga perlu dibawa ke peringkat Dewan Negara serta cadangan kertas putih itu perlu dilaporkan kepada Jemaah Menteri dan Jawatankuasa Pilihan Khas.

"Sebab itu saya putuskan proses ini mesti dibawa ke Dewan Negara dan Parlimen

mendapat keputusan konsensus bipartisan. Hanya persetujuan bipartisan sahaja memastikan ini (kertas putih) akan menjadi satu dokumen, hala tuju, ikhtiar dan aspirasi bersama, tak kira kerajaan mana (memerintah) dan menteri siapa yang duduk di kerusi ini.

"Saya cadangkan ia dilaporkan bukan saja kepada Jemaah Menteri, juga untuk Jawatankuasa Pilihan Khas agar milestone atau sasaran dicapai mengikut perancangan yang dikecapi semasa



KHAIRY

konsensus kertas putih ini disediakan," katanya.

Beliau berkata cadangan kertas putih itu mengambil kira aspek akses kesihatan di peringkat kebangsaan, tidak kira negeri dan wilayah.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEGARA

Sektor kesihatan awam perlu peruntukan tambahan

KUALA LUMPUR – Malaysia merupakan sebuah negara berpendapatan sederhana tinggi, tetapi melaksanakan pelaburan yang kurang optimum untuk sistem kesihatan awam pada setiap tahun.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, pembiayaan negara bagi sistem kesihatan awam cuma pada kadar 2.58 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2020.

“Malah saya boleh katakan ada ‘chronic under investment’ terhadap sistem kesihatan awam negara. Sebagai contoh berdasarkan laporan Ketua Audit Negara pada 2018.

“Jabatan Kecemasan dan Trauma di hospital kerajaan kekurangan kakitangan, kesesakan sebab beban pesakit tinggi, kekurangan dana dan peralatan yang mencukupi.

“Ini antara perkara yang menyebabkan perkhidmatan kesihatan awam tidak dapat disediakan dengan baik,” katanya pada sidang Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan Wong Hon Wai (**PH-Bukit Bendera**) sama ada isu kekurangan peruntukan akan dimasukkan ke dalam Kertas Putih Kesihatan dan bila akan dibentangkan.

Khairy Jamaluddin berkata, kekurangan yang beliau sebut itu bukan sesuatu yang terpencil, namun ia refleksi kepada keseluruhan fasiliti kesihatan kerajaan.

Jelasnya, perbelanjaan kesih-



PERBELANJAAN kesihatan awam Malaysia adalah rendah berbanding negara berpendapatan sederhana tinggi lain iaitu sekurang-kurangnya empat peratus daripada KDNK. – GAMBAR HIASAN

tan awam Malaysia adalah rendah berbanding negara berpendapatan sederhana tinggi lain iaitu sekurang-kurangnya empat peratus.

Justeru, katanya, soal pembiayaan dan peruntukan kesihatan awam merupakan perkara sangat penting untuk dibincang dan diputuskan dalam Kertas Putih Kesihatan.

Terdahulu, beliau menerangkan, Kertas Putih Kesihatan bertujuan memperkuat sistem kesihatan negara supaya lebih saksama, berkualiti tinggi, mu-

dah diakses dengan kos berpatutan dan mampan.

“Ia dokumen rasmi kerajaan yang akan menggariskan status semasa, jurang dan kekangan selain mengemukakan cadangan penyelesaian secara berfasa merangkumi tempoh 15 tahun,” katanya.

Kata beliau, proses itu namun perlu dibawa ke Dewan Rakyat agar mendapat konsensus bipartisan sekaligus menjadi dokumen, hala tuju, ikhtiar dan aspirasi yang dikongsi bersama kerajaan dan pembangkang.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : PARLIMEN

Kertas putih kesihatan dibentang November ini

KUALA LUMPUR - Satu kertas putih kesihatan ke arah reformasi sistem kesihatan negara dijangka dibentangkan di Dewan Rakyat pada November ini, kata Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar.

Menurutnya, kertas putih tersebut bertujuan mengukuhkan sistem kesihatan negara secara menyeluruh agar perkhidmatan kesihatan lebih saksama, berkualiti tinggi, mudah diakses dengan kos berpatutan dan mampan bagi jangka masa panjang.

"Kertas putih kesihatan adalah satu ikhtiar Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk membuka hujah dan perbincangan bersama rakyat serta pihak berkepentingan

mengenai sistem kesihatan negara yang memerlukan penambahbaikan yang mampan. Ia adalah dokumen rasmi kerajaan yang akan menggariskan status semasa, jurang dan kekangan yang dihadapi.

"Dokumen ini juga akan mengemukakan cadangan penyelesaian secara berfasa dari segi reformasi penyampaian perkhidmatan, pembiayaan, tadbir urus serta organisasi merangkumi tempoh 15 tahun," katanya.

Beliau berkata demikian semasa menjawab soalan **Wong Hon Wai (PH-Bukit Bendera)** di Dewan Rakyat pada Selasa.

Khairy berkata, penyediaan kertas putih kesihatan itu akan mengambil kira hasil serta syor pelbagai

kajian sistem kesihatan yang telah dilaksanakan dan pandangan pihak berkepentingan termasuk rakyat melalui sesi libat urus.

Jelasnya, untuk memastikan cadangan kertas putih itu kalis masa depan dan mendapat persetujuan bipartisan, ia juga perlu dibawa ke peringkat Dewan Negara serta cadangan kertas putih itu perlu dilaporkan kepada Jemaah Menteri dan Jawatankuasa Pilihan Khas.

"Hanya persetujuan bipartisan sahaja memastikan ini (kertas putih) akan menjadi satu dokumen, hala tuju, ikhtiar dan aspirasi bersama, tidak kira kerajaan mana (memerintah) dan menteri siapa yang duduk di kerusi ini," ujar beliau. - *Bernama*

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

22,030 kes baharu Covid-19

KUALA LUMPUR - Kes harian baharu Covid-19 terus menurun apabila mencatatkan 22,030 kelmarin berbanding 22,535 pada Ahad.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah keseluruhan kes itu, 8,616 kes atau 39.11 peratus adalah kategori satu, 13,188 kes atau 59.86 peratus dalam kategori dua manakala kategori tiga, empat dan lima berjumlah 226 kes atau 1.03 peratus.

Dalam kenyataan pada Selasa mengenai perkembangan harian pandemik Covid-19 di negara, Dr Noor Hisham ber-

kata, kes sembuh mencatatkan jumlah 33,872 mengatasi kes baharu menjadikan kes kumulatif sembuh ialah 3,502,760 kes.

Beliau berkata, sebanyak 1,521 kes dimasukkan ke hospital dengan 634 atau 41.7 peratus daripadanya adalah individu dalam kalangan kategori tiga, empat dan lima manakala 887 kes (58.3 peratus) merupakan pesakit kategori satu dan dua.

Berhubung kadar kebolehhangkitan (Rt) yang dicatatkan di seluruh negara pada Isnin, Dr Noor Hisham berkata, ia turut mencatatkan penurunan sedikit kepada 0.96 berbanding 0.97 pada Ahad.

- Bernama

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 27

RUANGAN : SINAR NEGERI

Sultan Nazrin
nasihatkan rakyat
Perak bantu usaha
minimumkan jangkitan

Oleh NORMAWATI ADNAN

KUALA KANGSAR

Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah mengingatkan rakyat di negeri ini untuk terus mematuhi langkah-langkah preventif yang dinasihatkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam membendung penularan Covid-19.

Baginda bertitah, kelonggaran pergerakan yang diberikan kerajaan ketika ini tidak bermakna ancaman wabak sudah berakhir.

Titah baginda, rakyat wajib dinasihatkan untuk sama-sama membantu dalam usaha meminimumkan jangkitan dan melindungi negara daripada menghadapi gelombang baharu wabak

Covid-19.

